

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi menyediakan bantuan kewangan seperti geran atau 'soft loan' kepada persatuan-persatuan dan kelab-kelab bola sepak berdaftar yang mengalami masalah kewangan serius kerana kekurangan pendapatan disebabkan oleh wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ambil maklum bahawa hampir keseluruhan sektor menerima impak ekonomi dan kewangan termasuklah dalam kalangan penggiat sukan tanah air berikutan penularan wabak COVID-19.
2. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Inisiatif Prihatin Sukan 2020, yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM 10 juta, bagi membantu penggiat sukan negara terutamanya bagi persatuan-persatuan sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS).
3. Sejak dilancarkan pada 17 Jun 2020, sebanyak 1,423 persatuan dan kelab telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Kementerian ini berharap inisiatif ini dapat membantu persatuan dan kelab sukan untuk terus berdaya saing menerusi inisiatif pengupayaan melalui bantuan dana menjalankan program dan aktiviti norma baharu semasa dan pasca PKPB serta inisiatif pendigitalan dan R&D persatuan-persatuan sukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG
[MARANG]**

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah bersepadu yang diambil untuk meringankan bebanan golongan B40 dalam menghadapi wabak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan wabak COVID-19 telah membawa impak yang meluas dan menjejaskan kehidupan rakyat dan aktiviti perniagaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil tindakan pantas dan proaktif untuk menangani krisis berkenaan dengan memperkenalkan PRIHATIN pada 27 Mac 2020, PRIHATIN PKS Tambahan pada 6 April 2020, PENJANA pada 5 Jun 2020 dan KITA PRIHATIN pada 23 September 2020 berjumlah RM305 bilion keseluruhannya, iaitu pakej rangsangan ekonomi yang terbesar dalam sejarah negara.

Antara inisiatif yang diperkenalkan untuk meringankan beban golongan B40 adalah Bantuan Prihatin Nasional (BPN dan BPN 2.0) sebagai bantuan tunai tambahan kepada Bantuan Sara Hidup (BSH) merangkumi keseluruhan peruntukan berjumlah RM23.2 bilion. Sebagai contoh, sekiranya Encik Ali berpendapatan di bawah RM2,000 dan mempunyai 4 orang anak yang layak, beliau akan menerima BSH sebanyak RM1,480, BPN sebanyak RM1,600 dan BPN 2.0 sebanyak RM1,000 yang keseluruhannya berjumlah RM4,080.

Pihak Kerajaan amat peka dan prihatin dengan kesukaran yang dialami oleh rakyat pada ketika ini. Sehubungan dengan itu, BPN bukan sahaja diberikan kepada golongan B40 malah turut dipanjangkan kepada golongan M40 (had pendapatan RM8,000 dan ke bawah) iaitu golongan mudah terjejas baharu (*newly vulnerable groups*) yang layak dan terkesan akibat perubahan terhadap status pendapatan mereka.

Selain BSH dan BPN, antara inisiatif yang dapat membantu mereka yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 termasuklah moratorium bayaran balik pinjaman, Bantuan Prihatin Elektrik, pengurangan caruman KWSP, Geran Khas Prihatin serta subsidi upah dan juga bantuan pembayaran bank bersasar yang diumumkan pada hujung Julai 2020 serta dana pinjaman mudah untuk PKS.

NO SOALAN : 6

Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan yang terjejas akibat COVID-19. Inisiatif Belanjawan 2021 juga telah menekankan beberapa bantuan sokongan yang merangkumi golongan B40 dengan peruntukan seperti berikut:

- i. Moratorium/Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman
 - a. Pilihan untuk terima moratorium 3 bulan atau bayaran 50 peratus untuk 6 bulan
- ii. RM6.5 bilion - Bantuan Prihatin Rakyat
 - a. Bantuan kewangan sehingga RM1,800
- iii. Subsidi/Insentif/Elaun RM30.8 bilion untuk semua lapisan masyarakat
- iv. KWSP i-Sinar
 - a. Pengeluaran simpanan akaun 1 sehingga RM10,000/RM60,000
- v. RM170 juta - Program pendidikan awal di KEMAS
- vi. RM20 juta – Pusat komuniti
 - a. Tempat jagaan anak-anak selepas tamat sesi sekolah
- vii. RM21 juta – Pusat Sokongan Sosial Setempat dengan kerjasama NGO
- viii. RM200 juta – Program Pengedaran Barang Perlu, Tong Gas Petroleum Cair (LPG)

- ix. Pengangkutan awam
 - a. RM300 juta - My30
 - b. RM5 – Pas bulanan KTM & Tren Sabah Jajaran Beaufort-Tenom untuk OKU & Pelajar

- x. Baucar Perlindungan Tenang
 - a. Baucar RM50 & pengecualian duti setem termasuk takaful hayat & kemalangan diri

- xi. Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin
 - a. Sehingga RM1,000 sebulan sekeluarga

- xii. Perlindungan mySalam
 - a. Diperluas untuk kos peranti perubatan

- xiii. RM420 juta – Rancangan Makanan Tambahan
 - a. Susu diberikan setiap hari (daripada 2 hari seminggu)

- xiv. RM1.5 bilion – Program Jaringan Prihatin
 - a. RM180 *one-off* berbentuk kredit telekomunikasi

Sekian, terima kasih.